



AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (NUKLEAR MALAYSIA)

PEKELILING KETUA PENGARAH BIL. 1 TAHUN 2017

**Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengurus Pusat dan Kemudahan
Semua Pengurus Kumpulan
Semua Pegawai Penyelidik
Unit Keselamatan Fizikal**

Y. Bhg. Dato'/Dr/Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENERIMAAN PERMOHONAN PENEMPATAN PELAJAR
DAN PENYELIDIK DARI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEKTOR KERAJAAN DAN SWASTA
BAGI MENJALANI LATIHAN INDUSTRI, KAJIAN PENYELIDIKAN DAN SANGKUTAN
DI AGENSI NUKLEAR MALAYSIA (NUKLEAR MALAYSIA)**

1. LATAR BELAKANG

Sejak tahun 1990-an, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah salah satu daripada pelbagai agensi atau institusi di seluruh negara yang menawarkan tempat bagi pelajar institut pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta menjalani latihan industri (LI) dalam tempoh tertentu sebagai memenuhi syarat kelulusan pengajian yang diikuti. Selain latihan industri, Nuklear Malaysia turut menerima pelajar dan penyelidik dari IPT, kolej, agensi serta institusi kerajaan dan swasta bagi melaksanakan kajian penyelidikan dan sangkutan (KPS) di Nuklear Malaysia.

2. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi tujuan berikut:

- 2.1 Memudahkan pihak pengurusan Nuklear Malaysia membuat pertimbangan dalam memilih serta menerima permohonan pelajar dan penyelidik untuk menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia.

- 2.2 Sebagai panduan kepada pegawai penyelia dalam memilih pelajar untuk menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia.
- 2.3 Sebagai panduan kepada IPT dan agensi yang berminat menghantar pelajar atau penyelidik menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia.
- 2.4 Sebagai rujukan kepada para pelajar dan penyelidik yang telah diterima menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia.

3. URUSETIA

Permohonan bagi LI dan KPS ini diselaraskan oleh **Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BSM)**, Agensi Nuklear Malaysia.

4. BILANGAN TEMPAT DAN BIDANG YANG DITAWARKAN

Bilangan tempat yang disediakan pada satu-satu masa bergantung kepada keupayaan, kesesuaian dan kebolehurusan (*manageability*) dengan mengambil kira aspek-aspek seperti berikut:

- 4.1 Penyelia yang sesuai dan boleh memberi komitmen
- 4.2 Bidang latihan atau penyelidikan yang diperlukan di Nuklear Malaysia
- 4.3 Kebolehgunaan alat dan kelengkapan latihan atau penyelidikan
- 4.4 Pematuhan kepada nilai dan etika kerja serta etika penyelidikan Nuklear Malaysia
- 4.5 Bentuk penyeliaan latihan atau penyelidikan yang mampu diberi
- 4.6 Pematuhan kepada prosedur keselamatan pekerjaan (OHSAS) dan sekuriti Nuklear Malaysia
- 4.7 Tidak menjelaskan keutamaan atau aktiviti semasa Nuklear Malaysia

Bidang-bidang yang ditawarkan adalah dalam **bidang aplikasi sains dan teknologi nuklear mengikut kluster penyelidikan** Nuklear Malaysia seperti berikut :-

- 4.8 Bahan Termaju dan Pembuatan
- 4.9 Alam Sekitar
- 4.10 Pengurusan Sisa
- 4.11 Radiofarmasi dan Biofarmasi
- 4.12 Produk Berasaskan Biosumber Semula Jadi
- 4.13 Pengimejan Perubatan
- 4.14 Tenaga boleh diperbaharui

- 4.15 Keutuhan Loji dan Struktur
- 4.16 Pertanian & Bioteknologi
- 4.17 Polimer Asli dan Polimer Sintetik
- 4.18 Pembangunan Kejuruteraan termasuk Reaktor Penyelidikan
- 4.19 Keselamatan Sinaran
- 4.20 Penjanaan Kuasa Elektrik Alternatif (Kuasa Nuklear)
- 4.21 Nanoteknologi dan Nanobahan
- 4.22 Matematik dan Statistik
- 4.23 Bidang-bidang berkaitan yang difikirkan sesuai dan relevan oleh pihak pengurusan Nuklear Malaysia

Bidang pengajian yang diselia mestilah **berkaitan dengan kepakaran pegawai penyelia** Nuklear Malaysia. Had bagi penempatan pelajar dan penyelidik pada satu-satu masa adalah **tidak melebihi tiga (3) pelajar** di bawah penyeliaan **seorang penyelia**. Sekiranya terdapat permohonan yang melebihi penempatan yang ditetapkan, maka penempatan atas dasar "yang terdahulu akan diutamakan" (*first come first serve basis*) akan digunakan.

Pengarah Bahagian dan Pengurus boleh menentukan bilangan pelajar atau penyelidik yang akan menjalani LI atau KPS di bahagian atau makmal masing-masing berpandukan kepada garis panduan ini.

5. SYARAT, PROSEDUR PERMOHONAN DAN KRITERIA PEMILIHAN

Pelajar dan penyelidik yang memohon hendaklah memenuhi syarat dan kriteria yang berikut :-

- 5.1 Setiap permohonan mesti mendapat sokongan Universiti atau Institusi masing-masing. Dokumen yang perlu dikemukakan kepada Pengarah BSM, Nuklear Malaysia adalah seperti berikut:
 - i) Surat permohonan rasmi.
 - ii) Maklumat peribadi (C.V.) dan gambar yang terkini
 - iii) Transkrip akademik (bagi LI)
 - iv) Surat lantikan penyelia daripada Graduates School/Pusat Pengajian Siswazah (bagi KPS)

- v) Cadangan projek kajian penyelidikan (bagi KPS)
- 5.2 Keutamaan diberi kepada pelajar atau penyelidik yang mengikuti kursus atau pengajian peringkat ijazah atau diploma yang berkaitan dalam bidang kluster penyelidikan Nuklear Malaysia (rujuk perkara 4) di IPTA, IPTS atau institusi masing-masing. Bagaimanapun pelepasan kepada syarat ini boleh dilakukan melalui perundingan dan persetujuan dengan bakal penyelia serta pihak pengurusan Nuklear Malaysia (Jawatankuasa Latihan).
- 5.3 Nuklear Malaysia tidak bertanggung-jawab dalam menyediakan bantuan kewangan sara hidup pelajar atau penyelidik, kecuali untuk pembelian keperluan bahan pakai habis seperti bahan kimia, radas kaca dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penyelidik yang menjalani KPS yang dibiayai terus oleh dana penyelidikan seperti Dana Sains atau Dana Tekno, penyelidik boleh diberi biaya sara hidup dan kemudahan lain tertakluk kepada persetujuan atau kelulusan pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Nuklear Malaysia.
- 5.4 Surat permohonan untuk menjalani LI dan KPS di Nuklear Malaysia hendaklah dialamatkan kepada **PENGARAH, BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, AGENSI NUKLEAR MALAYSIA, BANGI, 43000 KAJANG, SELANGOR**. Permohonan yang tidak lengkap serta tidak memenuhi syarat dan kriteria yang tersebut di atas tidak akan dipertimbangkan.
- 5.5 Setiap permohonan yang berjaya akan diberi **Surat Tawaran Penempatan Menjalani Latihan Industri atau Surat Kebenaran Melaksanakan Penyelidikan** di Nuklear Malaysia dan pelajar atau penyelidik dikehendaki mengisi **Borang Penerimaan Menjalani Latihan Industri / Kajian Penyelidikan** yang dilampirkan bersama.

6. SYARAT DAN PERATURAN SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI ATAU MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN

Setelah mendapat kelulusan menjalani latihan industri atau melaksanakan penyelidikan di Nuklear Malaysia, pelajar atau penyelidik dikehendaki memenuhi syarat dan peraturan seperti berikut :-

- 6.1 Setiap pelajar dan penyelidik **wajib melapor diri** di BSM, Tingkat 1, Blok 11, Agensi Nuklear Malaysia pada **hari pertama** menjalani LI atau KPS. Pelajar dan penyelidik juga perlu mengembalikan **Borang Penerimaan Menjalani Latihan Industri/Kajian Penyelidikan** beserta salinan kad pengenalan atau paspot (bagi pelajar atau penyelidik luar negara) kepada urusetia semasa pendaftaran.
- 6.2 Setiap pelajar dan penyelidik akan mendapat **PAS KESELAMATAN SEMENTARA** yang akan digunakan untuk keluar dan masuk kompleks Nuklear Malaysia. Pas Keselamatan perlu **dipakai setiap masa** sepanjang menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia. Pas ini hendaklah dikembalikan semula setelah tamat tempoh LI atau KPS.
- 6.3 Pelajar dan penyelidik yang menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia dianggap sebagai orang awam mengikut takrifan Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Keselamatan Asas Perlindungan Sinaran) 2010 kecuali mereka yang telah diiktiraf sebagai pekerja sinaran oleh pihak AELB. Pen dosimeter akan diberikan kepada pelajar dan penyelidik yang berkaitan, jika perlu seperti yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan Sinaran dan Kesihatan (BKS). Mereka juga perlu memastikan penggunaan alat ini adalah mengikut peraturan yang ditetapkan.
- 6.4 Sebelum memulakan tugas LI dan KPS sama ada di dalam atau luar makmal, pelajar atau penyelidik mesti menghadiri taklimat yang diberikan oleh pihak BSM tentang peraturan umum yang perlu dipatuhi. Setelah itu, setiap pelajar dan penyelidik dikehendaki menandatangani **Surat Persetujuan** (*Letter of Undertaking*) yang melepaskan Nuklear Malaysia daripada tanggungjawab atau liabiliti sekiranya berlaku sebarang kemalangan terhadap diri pelajar dan penyelidik semasa menjalani LI atau KPS di Nuklear Malaysia.
- 6.5 Pelajar dan penyelidik hendaklah pada setiap masa mematuhi semua arahan, peraturan kerajaan, prosedur dan keperluan Nuklear Malaysia termasuk **MEMATUHI** label, poster dan tanda amaran keselamatan yang ada di dalam makmal dan kawasan kerja sama ada diberi secara bertulis atau lisan oleh pegawai keselamatan atau pegawai yang diberi tugas menyelia beliau.
- 6.6 Semua kelengkapan, kemudahan dan peralatan makmal atau pejabat mesti digunakan mengikut tujuan dan prosedur operasi standard yang ditetapkan setelah mendapat kebenaran pegawai penyelia. Sebarang penggunaan peralatan selain daripada yang ditetapkan perlu dirujuk kepada penyelia setempat. Semua penggunaan peralatan serta bahan-bahan latihan dan penyelidikan mesti mematuhi peraturan keselamatan

dan prosedur operasi seperti yang ditetapkan oleh sesuatu bahagian, kemudahan atau unit.

- 6.7 Pelajar dan penyelidik boleh menggunakan komputer dan peralatan pejabat lain yang diperuntukkan kepadanya sahaja. Bagaimanapun, mereka perlu mematuhi kehendak Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Agensi Nuklear Malaysia dan dilarang menggunakan pemacu pena (*pen drive*) di komputer pejabat tanpa kebenaran penyelia. Pemacu pena tersebut hendaklah diimbas bagi mengelakkan penyebaran serangan virus.
- 6.8 Pelajar dan penyelidik tidak dibenarkan menggunakan akaun pengguna lain atau membenarkan orang lain menggunakan akaunnya (jika ada) ketika menggunakan komputer atau mengakses maklumat.
- 6.9 Masa menjalani LI adalah tertakluk kepada waktu kerja pejabat kerajaan yang sedang berkuatkuasa manakala masa bagi melaksanakan KPS adalah tertakluk kepada jadual yang ditetapkan oleh penyelia masing-masing. Penyelidik yang hendak melaksanakan penyelidikan di luar waktu kerja pejabat termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti am, perlu mendapatkan persetujuan daripada pegawai penyelia, penyelia kawasan dan pengurus makmal; dan dengan syarat, perlu ada bersama sekurang-kurangnya seorang staf Nuklear Malaysia berjawatan tetap dan memaklumkan kepada pegawai keselamatan di bangunan berkenaan.
- 6.10 Kebenaran cuti kepada pelatih industri atas maksud peribadi adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, cuti boleh diluluskan atas pertimbangan pegawai penyelia. Pelajar yang mengambil cuti sakit perlu menyertakan sijil sakit yang disahkan oleh hospital atau klinik.
- 6.11 Sewaktu menjalani LI atau KPS, pelajar dan penyelidik dikehendaki berada di makmal atau pejabat yang telah ditentukan oleh penyelia masing-masing. Pelajar dan penyelidik tidak dibenarkan berada di makmal atau pejabat yang tiada kaitan dengan latihan dan penyelidikan masing-masing.
- 6.12 Pelajar dan penyelidik boleh menggunakan kemudahan perpustakaan untuk rujukan. Bagaimanapun pelajar dan penyelidik tidak dibenarkan membawa keluar bahan rujukan atau bacaan dari perpustakaan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pegawai yang bertugas di perpustakaan. Peminjaman bahan bacaan boleh dibuat oleh penyelia masing-masing.

- 6.13 Pelajar dan penyelidik wajib mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan tidak berlaku sebarang kebocoran maklumat atau hal ehwal yang diketahui tentang Nuklear Malaysia yang mungkin boleh menjelaskan imej dan keselamatan Nuklear Malaysia, kerajaan atau negara sekiranya maklumat tersebut jatuh kepada pengetahuan pihak-pihak tertentu.
- 6.14 Pelajar dan penyelidik adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi dan Peraturan-Peraturan Kawasan Larangan yang telah ditetapkan.

7.0 HASIL PENYELIDIKAN, PENULISAN TEKNIKAL DAN HARTA INTELEK

- 7.1 Bagi penyelidik yang hendak melaksanakan KPS di Nuklear Malaysia, **cadangan projek penyelidikan** perlu dikemukakan kepada BSM untuk didaftarkan di RMC bagi tujuan untuk memudahkan pengurusan dan pemonitoran kemajuan projek yang berkenaan.
- 7.2 Pengurusan Nuklear Malaysia amat memandang tinggi terhadap produk, proses dan sistem baharu yang mempunyai nilai tambah hasil daripada penyelidikan yang dilaksanakan. Penghargaan terhadap sumbangan Nuklear Malaysia dalam sebahagian atau keseluruhan proses penghasilan penyelidikan berkenaan, dalam pelbagai pameran dan ekspo sains yang diceburi di pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa perlu dinyatakan.
- 7.3 Sebarang penulisan teknikal perlu disemak dan mendapat kelulusan pegawai penyelia sebelum dicetak, diterbit atau diedarkan untuk bacaan umum. Penyelidik perlu memastikan nama pegawai penyelia Nuklear Malaysia dimasukkan dalam senarai karyawan penyumbang penulisan berkaitan; serta memastikan penghargaan diberikan kepada Nuklear Malaysia di ruang penghargaan sesuatu penulisan teknikal yang telah dihasilkan.
- 7.4 Pelajar dan penyelidik dikehendaki menyediakan **laporan latihan industri** atau **laporan akhir penyelidikan** mereka, selepas menjalani LI dan KPS di Nuklear Malaysia. Laporan industri atau laporan akhir penyelidikan hendaklah disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris mengikut format yang ditetapkan oleh Nuklear Malaysia. Format laporan akan diberi sewaktu sesi taklimat pada hari

pendaftaran. **Satu salinan laporan** perlu diserahkan kepada urusetia dan penyelia masing-masing.

- 7.5 Sekiranya ada Harta Intelek (IP) yang dihasilkan daripada penyelidikan di Nuklear Malaysia, maka ia menjadi hak milik mutlak Nuklear Malaysia. Sekiranya penyelidik yang diselia menjalankan penyelidikan di institusi/universiti/lokasi milik sektor swasta, maka IP yang dihasilkan daripada penyelidikan dengan bimbingan Penyelia Nuklear Malaysia hendaklah dikongsi bersama antara Nuklear Malaysia dengan universiti atau institusi masing-masing. Peratus pemilikan IP akan ditentukan dalam perbincangan antara Nuklear Malaysia dengan universiti atau institusi masing-masing yang mana akan diuruskan oleh pihak RMC dan BKT.
- 7.6 Bagi IP yang menjadi hak milik Nuklear Malaysia, penyelidik tidak dibenarkan untuk memindahkan maklumat yang berkenaan kepada pihak lain tanpa persetujuan Nuklear Malaysia. Manakala IP yang dimiliki bersama seperti yang dinyatakan dalam pemindahan IP kepada pihak ketiga bagi tujuan pemindahan teknologi atau tujuan yang akan dinyatakan, hendaklah terlebih dahulu dipersetujui dalam mesyuarat bersama antara Nuklear Malaysia dan universiti atau sektor swasta yang menghasilkan IP tersebut.

8.0 TANGGUNGJAWAB URUSETIA

- 8.1 Memberi taklimat kepada pelajar LI dan penyelidik KPS tentang latar belakang Nuklear Malaysia, peraturan dan prosedur yang perlu dipatuhi serta perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada awal latihan industri atau penyelidikan.
- 8.2 Menyelaras bidang latihan atau penyelidikan dan tempat bagi menjalani LI dan KPS melalui rundingan bersama pegawai penyelia dan/atau kelulusan daripada pihak pengurusan Nuklear Malaysia.
- 8.3 Mengumpul laporan LI atau laporan akhir KPS yang telah disediakan oleh pelajar dan penyelidik dan diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) bagi mendapatkan nombor siri penerbitan untuk direkodkan di dalam pangkalan data BSM.

9.0 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENYELIA

- 9.1 Sebarang aktiviti KPS yang telah dirunding dengan pihak universiti perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak pengurusan Nuklear Malaysia melalui BSM sebelum KPS tersebut dilaksanakan.
- 9.2 Satu program latihan atau penyelidikan perlu disediakan oleh pegawai penyelia untuk sepanjang tempoh latihan industri atau penyelidikan berkenaan, setelah berunding dengan pelajar atau penyelidik terlibat. Program latihan atau penyelidikan ini perlulah mendapat persetujuan Pengurus Kemudahan atau Pengarah Bahagian masing-masing. Penyelia juga dilarang mengambil pelajar LI bagi tujuan peribadi.
- 9.3 Penyelia Nuklear Malaysia hendaklah memastikan pelajar LI dan penyelidik KPS memahami arahan dan etika penyelidikan serta Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ditetapkan oleh Nuklear Malaysia.
- 9.4 Penyelia perlu memastikan pelajar LI atau penyelidik KPS faham tentang prosedur dan peraturan keselamatan dan kesihatan yang khusus di makmal masing-masing.
- 9.5 Penyelia perlu memastikan pelajar dan penyelidik memperolehi kemudahan yang sepatutnya diberikan kepada mereka sepanjang berada di Nuklear Malaysia untuk menjalankan latihan atau melaksanakan penyelidikan seperti bahan kimia dan peralatan makmal.
- 9.6 Penyelia juga bertanggungjawab untuk memastikan pelajar dan penyelidik diberi latihan secukupnya dalam pengendalian dan penjagaan peralatan makmal atau saintifik yang digunakan bagi mengelakkan kerosakan aset disebabkan oleh 'mishandling'.
- 9.7 Penyelia perlu memantau dan menilai prestasi serta perkembangan sahsiah pelajar sepanjang menjalani latihan industri dan mengemukakan borang penilaian yang lengkap ke BSM pada minggu akhir penyeliaan pelajar atau penyelidik.
- 9.8 Penyelia perlu bertanggungjawab di atas kehilangan bahan bacaan yang dipinjam di Perpustakaan Nuklear Malaysia bagi pihak pelajar atau penyelidik.
- 9.9 Penyelia yang memerlukan nombor siri penerbitan laporan pelajar LI atau laporan akhir penyelidik KPS boleh mendapatkanya daripada urusetia BSM.

10.0 PENGINAPAN, PENGANGKUTAN DAN ELAUN LATIHAN

- 10.1 Nuklear Malaysia tidak menyediakan kemudahan penginapan dan pengangkutan kepada pelajar atau penyelidik yang diterima untuk menjalani LI atau KPS. Segala urusan penginapan dan pengangkutan adalah di bawah tanggungjawab pelajar dan penyelidik.
- 10.2 Nuklear Malaysia juga tidak akan membayar sebarang elaun kepada pelajar LI atau penyelidik KPS kecuali kepada penyelidik yang menjalankan penyelidikan di bawah projek yang dibiayai oleh Dana Sains dan Dana Tekno, tertakluk kepada peruntukan yang diselaraskan oleh pihak RMC.

11.0 YURAN LATIHAN INDUSTRI/PENYELIDIKA

- 11.1 Pelajar IPTA dan IPTS yang diterima menjalani LI di Nuklear Malaysia tidak dikenakan sebarang bayaran yuran.
- 11.2 Bagi pelajar atau penyelidik yang melaksanakan sesuatu kajian atau penyelidikan tanpa MOA atau MOU samada untuk program sarjana, doktor falsafah (PhD) dan sangkutan, akan dikenakan bayaran yuran (*bench fees*) seperti yang tertera di dalam Jadual 1.

Bil.	Kategori pelajar/penyelidik mengikut Universiti	Kadar Yuran (RM) mengikut tempoh			Catatan
		< 6 bulan (i)	6 – 12 bulan (ii)	>12 bulan	
1.	IPTA	500.00	1000.00		Tambahan kadar mengikut tempoh mana yang berkenaan (i) atau (ii)
2.	IPTS	1000.00	2000.00		Caj tambahan boleh dikenakan atas cadangan dan sokongan penyelia Nuklear Malaysia.
3.	Luar Negara	3000.00	6000.00		

- 11.3 Manakala penyelidik dari syarikat swasta yang menjalani latihan, sangkutan atau penyelidikan bagi tujuan memperoleh teknologi (*technology acquisition*) yang dibangunkan oleh Nuklear Malaysia, bayaran kadar yuran akan turut dikenakan

kepada syarikat tersebut mengikut kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Nuklear Malaysia.

- 11.4 Surat atau penyata jaminan bayaran yuran KPS dari IPTA/IPTS hendaklah dikemukakan bersekali dalam permohonan pelajar/penyelidik sebagai pengesahan dan memudahkan urusan penempatan pelajar/penyelidik terus dibuat mengikut permohonan yang diterima.
- 11.5 Pembayaran kadar yuran hendaklah melalui cek berpalang atau mana-mana bentuk bayaran yang sah atas nama Ketua Pengarah Nuklear Malaysia dan dialamatkan kepada :

Agenzi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)

Bangi, 43000 Kajang

Selangor

(u.p : Pusat Latihan Nuklear Malaysia)

12.0 PELBAGAI

- 12.1 Bagi pelajar dan penyelidik yang telah bersetuju menerima tawaran penempatan menjalani LI dan KPS di Nuklear Malaysia, penempatan tersebut **tidak boleh diganti** dengan pelajar atau penyelidik lain sekiranya beliau **menarik diri atau tidak hadir**.
- 12.2 Pelajar dan penyelidik hendaklah sentiasa berpakaian kemas dan sopan (*office attire*) sepanjang masa di tempat latihan atau penyelidikan. Pakaian seperti kemeja-T, jeans, kasut sukan dan selipar adalah **tidak dibenarkan** sama sekali.
- 12.3 Pelajar dan penyelidik adalah dilarang sama sekali melakukan sebarang perbuatan atau kegiatan yang menyalahi undang-undang, agama dan adat sopan.
- 12.4 Pelajar dan penyelidik tidak dibenarkan membawa pelawat ke kompleks Nuklear Malaysia tanpa sebarang tujuan rasmi dan kebenaran daripada pihak pengurusan.
- 12.5 Pelajar dan penyelidik perlu mematuhi semua arahan keselamatan dan sekuriti Nuklear Malaysia dan tidak dibenarkan membawa kamera dan mengambil gambar di sekitar kompleks Nuklear Malaysia. Mengambil gambar hanya dibenarkan untuk tujuan LI atau KPS dengan kebenaran Unit Keselamatan Fizikal melalui pegawai penyelia masing-masing.

- 12.6 Pelajar dan penyelidik adalah **dilarang daripada membuat sebarang kenyataan atau respon** kepada mana-mana pihak 'news group' atau membuat **sebarang kenyataan rasmi** bagi pihak Nuklear Malaysia kepada media massa.
- 12.7 Pelajar dan penyelidik perlu mengambil sendiri insuran bagi melindungi diri daripada sebarang bentuk kemalangan sekiranya diperlukan, sepanjang tempoh menjalani LI dan KPS di Nuklear Malaysia.
- 12.8 Urusetia/Pengarah Bahagian boleh membuat pindaan dan penyesuaian terhadap garis panduan ini dari semasa ke semasa di mana perlu.
- 12.9 Urusetia/Pengarah BSM **berhak menamatkan latihan atau penyelidikan** yang diberikan pada bila-bila masa kepada mana-mana pelajar atau penyelidik yang didapati melanggar sebarang peraturan yang berkuatkuasa di Nuklear Malaysia, tidak berdisiplin, berkelakuan tidak senonoh dan tidak mematuhi garis panduan ini.

13.0 TARIKH KUATKUASA

Pelaksanaan garis panduan ini berkuatkuasa pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SAINS DAN INOVASI PEMACU TRANSFORMASI"


DR. MOHD ASHAAR HJ KHALID

Ketua Pengarah
Agenzia Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

TARIKH: 30 Mac 2017

s.k.: Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)
Timbalan Ketua Pengarah (Teknikal)
Pengarah Kanan (Pengurusan)
Pengarah Kanan (Pengkomersilan)